



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH**

# **Bahasa Melayu**

## **Sekolah Jenis Kebangsaan**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**TAHUN 3**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## Tahun 3

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2017

Terbitan 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## **KANDUNGAN**

|   |     |
|---|-----|
| Rukun Negara.....                               | v   |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....             | vi  |
| Definisi Kurikulum Kebangsaan.....              | vii |
| Kata Pengantar.....                             | ix  |
| Pendahuluan.....                                | 1   |
| Matlamat .....                                  | 2   |
| Objektif .....                                  | 2   |
| Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah..... | 5   |
| Fokus .....                                     | 6   |
| Kemahiran Abad Ke-21.....                       | 7   |
| Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....             | 9   |
| Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....      | 10  |
| Elemen Merentas Kurikulum .....                 | 17  |

|  |    |
|--|----|
| Pentaksiran Sekolah.....               | 20 |
| Organisasi Kandungan .....             | 24 |
| Kemahiran Mendengar dan Bertutur ..... | 29 |
| Kemahiran Membaca .....                | 32 |
| Kemahiran Menulis .....                | 35 |
| Aspek Seni Bahasa .....                | 38 |
| Aspek Tatabahasa .....                 | 40 |
| Glosari .....                          | 43 |
| Panel Penggubal .....                  | 48 |



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha  
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## **DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN**

### **3. Kurikulum Kebangsaan**

(1)Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berdasarkan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusnya, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan,

kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**  
Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kurikulum



## PENDAHULUAN

Dunia pendidikan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Standard Bahasa Melayu yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kurikulum ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Bagi sekolah jenis kebangsaan, penggubalan standard kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira PdP Bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan pengajaran bahasa kedua kepada murid untuk memperoleh kemahiran berbahasa Melayu. Seterusnya, kurikulum ini membolehkan murid memperkembangkan dan menilai keupayaan serta penguasaan kemahiran bahasa mereka. Di samping itu, murid juga diharap dapat berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasila dalam semua urusan serta mempunyai ciri-ciri seperti yang dinyatakan dalam profil murid.

Kemahiran Abad Ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Menaakul turut dimasukkan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum ini agar modal insan yang dihasratkan mampu memenuhi keperluan masa kini. Melalui kurikulum ini, keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) amat dititikberatkan. PdP yang dilaksanakan bukan sahaja menekankan pembelajaran berasaskan murid dan pembelajaran kolaboratif, malah murid-murid akan belajar melalui pembelajaran mendalam seperti pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran

berasaskan projek, inkuiiri, dan pembelajaran koperatif serta pembelajaraan secara kontekstual. Murid akan ditaksir dan dinilai semasa proses PdP dijalankan. Penilaian dapat dilaksanakan hasil daripada perubahan tingkah laku murid semasa dan selepas proses PdP. Perkembangan murid dilihat dan dilaporkan secara holistik dan autentik. Selain itu, guru juga dapat membuat penambahbaikan dalam proses pengajaran mereka.

DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah menjunjung peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan negara serta dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu

## MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

## OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan, dan pertanyaan dengan betul.
2. Bercerita, berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.
3. Membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami, dan menaakul maklumat tersurat dan tersirat daripada pelbagai sumber untuk memberikan respons dengan betul.
4. Membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca.
5. Mencatat, menulis, dan mengimlak untuk mengaplikasikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun.
6. Menghasilkan pelbagai penulisan, mengedit, dan menulis ulasan.
7. Menghayati serta menghargai keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.
8. Menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan.

9. Menghargai dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

### **Objektif Standard Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 3**

KSSR mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 3 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:


1. Mendengar, mengecam dan menyebut ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul dan tepat.
2. Mendengar, memahami, dan memberi respons terhadap ayat perintah dengan betul.
3. Mendengar, mentafsir dan bertindak balas terhadap soalan bertumpu dan bercapah.
4. Bertutur untuk menjelaskan dan menilai sesuatu perkara, serta membanding beza dan menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila mengikut konteks.
5. Menyoal untuk mendapatkan maklumat secara bertatasusila.
6. Membaca teks dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahaminya.
7. Membaca, mengenal pasti dan menerangkan, idea daripada bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersembahkannya.
8. Menyalin huruf, perkataan dan frasa, dalam bentuk tulisan berangkai dengan kemas dan cantik.
9. Membina dan menulis dua perenggan ayat serta menulis jawapan pemahaman secara kritis berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah.
10. Mencatat maklumat yang dibanding beza tentang sesuatu perkara.
11. Menulis ayat yang diimlakkan.
12. Merangka dan menulis penulisan naratif dan bukan naratif serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.
13. Berceritakan dengan menggunakan simpulan bahasa, bandingan semacam dan perumpamaan yang sesuai serta mengubahsuai cerita yang berunsur pengajaran secara kreatif dan mempersembahkannya secara kreatif.
14. Melafazkan dan menjelaskan maksud pantun serta mencipta pantun secara berpandu dan mempersembahkannya.

15. Menyanyi dan menjelaskan maksud lirik lagu serta mengubahsuai lirik lagu secara berpandu dan mempersesembahkannya.
16. Memahami dan menggunakan kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama serta penjodoh bilangan mengikut konteks dengan betul.
17. Memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif, kata kerja pasif, kata adjektif waktu, ukuran dan pancaindera mengikut konteks dengan betul.
18. Memahami dan menggunakan kata tugas seperti kata hubung, kata sendi nama, kata arah, kata tanya, kata perintah, kata seru dan kata nafi dengan betul.
19. Memahami dan menggunakan kata dasar, kata berimbuhan awalan dan imbuhan akhiran, kata majmuk dan kata ganda mengikut konteks dengan betul.
20. Memahami dan mengaplikasi ayat seruan, ayat perintah dan ayat tanya serta menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk mengikut konteks dengan betul.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepadan ini bertujuan membangunkan

modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Melayu digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

## FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksana sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapreasiaskan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan aktiviti PdP dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

| PROFIL MURID               | PENERANGAN   |
|----------------------------|--|
| <b>Berdaya Tahan</b>       | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.   |
| <b>Mahir Berkomunikasi</b> | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.  |
| <b>Pemikir</b>             | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru. |

| PROFIL MURID               | PENERANGAN   | PROFIL MURID               | PENERANGAN   |
|----------------------------|--|----------------------------|--|
| <b>Kerja Sepasukan</b>     | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mampu menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka seorang pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik. | <b>Bermaklumat</b>         | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| <b>Bersifat Ingin Tahu</b> | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiри dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.  | <b>Penyayang/ Prihatin</b> | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.  |
| <b>Berprinsip</b>          | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.   | <b>Patriotik</b>           | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.   |

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN   |
|-----------------|--|
| Mengaplikasi    | Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.                      |
| Menganalisis    | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai         | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.        |
| Mencipta        | Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.   |

**KBAT** ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi

bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

**KBAT** boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir

seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi PdP Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **Konsep 5P**

Strategi PdP Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses PdP dalam KBSR. Melalui konsep ini, murid dapat menyesuaikan maklumat dalam rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya akan mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan. Kemahiran bahasa dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam PdP Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses PdP merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif PdP. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam PdP harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam PdP pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

### **Pendekatan Modular**

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa menyokong kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid. Pendekatan modular juga boleh dilaksanakan secara berurutan (*linear*) atau tidak berurutan (*non-linear*). Walau bagaimanapun, pendekatan modular dilaksanakan secara berpusatkan murid dan berfokus iaitu guru akan mengajar hanya satu kemahiran dalam satu sesi PdP di dalam bilik darjah. Pentaksiran dalam pendekatan modular dijalankan secara berterusan iaitu secara formatif dan sumatif untuk mengukur

perkembangan murid.

### **Pendekatan Didik Hibur**

Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkuuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hibur dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaiannya strategi serta bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

### **Pendekatan Tematik**

Pendekatan tematik ialah satu pendekatan PdP yang akan diajarkan melalui topik atau tema yang dipilih bersesuaian dengan masa, tempat dan minat bagi menggerakkan sesuatu proses PdP. Tema yang dipilih menjadi wahana dan medium kepada memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam pengajaran bahasa melalui kemahiran

mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat dikukuhkan. Di samping itu, melalui pendekatan bertema, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin ilmu lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, hal persendirian, isu kemasyarakatan dan perpaduan, menghargai warisan, kelestarian alam serta mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Kekeluargaan

Tema kekeluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga. Tema ini melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mereka menghargai, menghormati serta mewujudkan hubungan erat sesama ahli keluarga ke arah memupuk perpaduan kaum. Murid didedahkan kehidupan keluarga yang berbeza daripada keluarga lain yang terdiri daripada pelbagai kaum.

2. Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kerukunan hidup bermasyarakat. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, bertoleransi, hormat-menghormati, bekerjasama, bertanggungjawab serta menerima perbezaan antara budaya.

3. Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kepada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, serta amalan gaya hidup sihat.

4. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

**5. Perpaduan**

Tema ini meliputi elemen silang budaya iaitu memahami perbezaan cara hidup, saling menghormati kepercayaan agama dan adat resam, saling mempercayai serta menghargai persamaan dan menerima perbezaan antara kaum. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk mewujudkan hubungan erat dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum demi perpaduan dan kesejahteraan negara.

**6. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika**

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen silang budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat difahami dan dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

**7. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan**

Tema jati diri memupuk keperibadian insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Patriotisme membentuk semangat juang, kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang juga merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Tema

ini diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan sepunya, sanggp mempertahankan dan mengharumkan negara serta setia kepada negara.

**8. Sains, Teknologi dan Inovasi**

Tema sains teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

**9. Kelestarian Alam**

Tema ini memupuk pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kesejahteraan hidup. Tema ini diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

**10. Pertanian dan Perniagaan**

Tema pertanian dan perniagaan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan perniagaan

secara tradisional dan moden. Tema ini diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan serta keusahawanan tani.

#### 11. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan, manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

#### 12. Integriti

Tema Integriti merujuk kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan nilai murni, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas agama dan undang-undang negara agar menjadi warganegara yang bermoral dan bertamadun demi kesejahteraan negara.

### **Penyelesaian Masalah**

Penyelesaian masalah merujuk kepada aktiviti PdP yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

### **Pembelajaran Berasaskan Projek**

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersemprehankan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

### **Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri**

Pembelajaran berdasarkan inkuiiri merupakan pendekatan PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses

penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan, penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

### **Pembelajaran Koperatif**

Kaedah PdP pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

### **Pembelajaran Berpusatkan Murid**

Strategi PdP dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

### **Kepelbagai Sumber dan Bahan**

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amat digalakan dalam PdP Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagai sumber merujuk penggunaan sumber pertama, sumber cetak, sumber elektronik, digital dan internet serta bahan yang autentik seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

### **Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai**

Pembelajaran Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

### **Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanannya pembelajaran dalam kehidupan mereka.

### **Pembelajaran Luar Bilik Darjah**

Pembelajaran luar bilik darjah ialah aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

### **Pembelajaran Konstruktivisme**

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

### **Kemahiran Belajar Cara Belajar**

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

### **Kajian Masa Depan**

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa ini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

### **Pembelajaran Akses Kendiri**

Pembelajaran Akses Kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

### **Pembelajaran Masteri**

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80 peratus aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global penting dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
  - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).
  - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu).

- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan).
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

## 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

## 6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP

## 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

## 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

## 9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## 10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran

## PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Pentaksiran sekolah bagi Bahasa Melayu dilaksanakan bersandarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Pentaksiran

penguasaan bahasa ini disertakan dengan pengintergrasian pengetahuan dalam tema serta nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai standard pembelajaran. Oleh itu, pentaksiran ini menilai pencapaian murid dalam memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran bahasa dan mengamalkan nilai. Di samping itu, PS juga menilai keberkesanan pengajaran guru.

PS mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berdasarkan standard kurikulum.
5. Adil kepada semua murid.
6. Pelaksanaan pentaksiran secara;
  - Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP; dan
  - Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

PS ini berdasarkan penguasaan murid dalam standard prestasi. PS tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Murid dinilai secara adil dan saksama berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain. Oleh itu, pentaksiran memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembang potensi setiap murid ke tahap maksimum.

Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid. Hal ini bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

### **Standard Prestasi**

Standard Prestasi ialah set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan selepas sesuatu standard pembelajaran atau kemahiran dikuasai. Perkembangan dalam standard terbahagi kepada dua, iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan

menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Tahap perkembangan pembelajaran murid diukur berdasarkan perkembangan atau kemajuan pembelajarannya.

Terdapat tiga standard prestasi bagi setiap kemahiran bahasa iaitu standard prestasi kemahiran mendengar dan bertutur, standard prestasi kemahiran membaca dan standard prestasi kemahiran menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa tidak dinilai tetapi semasa PdP, pentaksiran dapat dilaksanakan juga untuk menilai ketiga-tiga kemahiran bahasa tersebut. Selepas semua standard pembelajaran dalam sesuatu kelompok itu diajar, guru akan menilai dan menentukan tahap penguasaan murid tersebut.

.

### Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan adalah standard prestasi yang merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Standard Prestasi ini menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hieraki dan digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok kemahiran. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk DSKP Bahasa Melayu KSSR. Pencapaian murid bagi setiap kemahiran akan dirujuk pada Tahap Penguasaan Keseluruhan. Maklumat yang dikumpul melalui pentaksiran ini dapat membantu guru menentukan kekuatan dan kelemahan murid. Oleh itu, guru menggunakan pertimbangan profesional (*professional judgement*) dalam menentukan tahap penguasaan murid.

Jadual 3: Tafsiran Umum bagi Tahap Penguasaan Keseluruhan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

| TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN |   |
|------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN             | HURAIAN   |
| 1<br><b>Sangat Terhad</b>    | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>sangat lemah, sangat terhad</b> dan memerlukan <b>banyak bimbingan, panduan dan latihan</b> dalam kemahiran bahasa.                                |
| 2<br><b>Terhad</b>           | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>lemah, terhad</b> dan memerlukan <b>sedikit bimbingan, panduan, dan latihan</b> dalam kemahiran bahasa.  |
| 3<br><b>Memuaskan</b>        | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>sederhana</b> dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang <b>asas tanpa bimbingan</b> dalam kemahiran bahasa. |

| TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN |   | TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN |   |
|------------------------------|---|------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN             | HURAIAN   | TAHAP PENGUASAAN             | HURAIAN   |
| 4<br><b>Baik</b>             | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>baik</b> , dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan <b>berkesan</b> , berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan <b>pembelajaran kendiri secara minimum</b> dalam kemahiran bahasa.  |                              | <b>tersusun</b> , menguasai kemahiran <b>berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif</b> , berkomunikasi secara <b>efektif dan penuh keyakinan</b> , mengamalkan pembelajaran secara <b>kendiri</b> serta menjadi <b>model teladan</b> kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.  |
| 5<br><b>Sangat Baik</b>      | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>tinggi</b> , berupaya mengungkapkan idea dengan <b>jelas</b> dan terperinci, berkomunikasi secara <b>efektif</b> , mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang <b>lebih kompleks</b> , menguasai kemahiran <b>berfikir yang kritis dan kreatif</b> , serta mengamalkan pembelajaran secara <b>kendiri</b> dalam kemahiran bahasa. |                              | Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK dan SP. Kebijaksanaan guru dituntut bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara bersesuaian dan berkesan. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok kemahiran yang telah ditentukan. Guru perlu adil dalam membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid. Setiap murid seharusnya diberikan peluang, bimbingan dan pengukuhan agar mereka mampu dan berupaya menunjukkan penguasaan serta kebolehan yang terbaik dan cemerlang dalam kemahiran bahasa. |
| 6<br><b>Cemerlang</b>        | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang <b>cemerlang dan konsisten</b> , berupaya mengungkapkan idea dengan <b>jelas, terperinci dan</b>   |                              |   |

## ORGANISASI KANDUNGAN

Organisasi Kandungan DSKP ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standrad Prestasi. Setiap standard ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh pengisian kurikulum. Selain itu, setiap standard ini mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid selama enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Ketiga-tiga standard ini dijelaskan dalam jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4 : Organisasi Kandungan DSKP

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   | STANDARD PRESTASI  |
|---|---|--|
| Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh dilakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. | Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. | Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (indicator of success) |

**Kemahiran Bahasa**

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Dalam mencapai kemahiran bahasa dalam standard ini, kemahiran-kemahiran tersebut telah diorganisasikan seperti berikut:

**1. Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

**2. Kemahiran Membaca**

Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu,

melalui kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

**3. Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

**4. Aspek Seni Bahasa**

Aspek seni bahasa merujuk keindahan, kehalusan dan kebahasaan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran aspek ini, murid menghasilkan dan mempersesembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis

melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

### 5. Aspek Tatabahasa

Aspek Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

## SISTEM BAHASA

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam PdP Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah ini;

### 1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

1.1 Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata

ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

1.1.1 Struktur kata merujuk pada pola suku kata bagi:

- (i) kata asli bahasa Melayu
- (ii) kata pinjaman bahasa Melayu

1.1.2 Bentuk kata terdiri daripada:

- (i) kata terbitan
- (ii) kata ganda
- (iii) kata majmuk

1.1.3 Proses pembentukan kata meliputi:

- (i) pengimbuhan
- (ii) penggandaan
- (iii) pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata yang amat kompleks ialah pengimbuhan.

- Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.
- 1.1.4 Golongan kata terdiri daripada:
- (i) kata nama
  - (ii) kata kerja
  - (iii) kata adjektif
  - (iv) kata tugas
- 1.2 Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:
- 1.2.1 Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
  - 1.2.2 Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
  - 1.2.3 Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
  - 1.2.4 Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- 1.2.5 Binaan ayat;
- (i) ayat dasar
  - (ii) ayat tunggal
  - (iii) ayat terbitan atau ayat majmuk
- 1.2.6 Proses ayat terbitan:
- (i) proses penggantian
  - (ii) proses pengguguran
  - (iii) proses peluasan

## 1. Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan. Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- (i) pola keselarasan huruf vokal
- (ii) ejaan kata pinjaman
- (iii) ejaan kata dasar dan kata terbitan

## 2. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta

memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- (i) ayat penyata
- (ii) ayat tanya
- (iii) ayat perintah
- (iv) ayat seruan
- (v) ayat songsang
- (vi) ayat aktif
- (vii) ayat pasif

### 3. Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkat dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada

peringkat sekolah rendah.

### 4. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

#### **Nota:**

Buku *Tatabahasa Dewan Edisi Terkini* ialah buku tatabahasa pegagangan yang menjadi sumber rujukan dalam PdP.

## 1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN  |
|--|--|
| <b>1.1 Mendengar dan memberikan respons.</b>                                   | <p><b>Murid boleh:</b></p> <p>1.1.2 Mendengar, mengecam, memahami, dan menyebut dengan betul dan tepat;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ayat tunggal</li> <li>(ii) ayat majmuk</li> </ul> |
|  | <p>1.1.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) suruhan dan permintaan</li> <li>(ii) silaan dan larangan</li> </ul>                         |
|  | <p>1.1.4 Mendengar, mentafsir, dan memberikan respons terhadap;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) soalan bertumpu</li> <li>(ii) soalan bercapah</li> </ul>                                  |
| <b>1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.</b> | <p>1.2.1 Bertutur untuk menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks.</p>   |
|  | <p>1.2.2 Menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat dengan menggunakan idea secara kritis dan kreatif.</p>  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b> | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>                          |
|---------------------------|---|
|                           | 1.2.3 Mengemukakan soalan untuk mendapatkan maklumat. |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR |   |
|--|---|
| TAHAP PENGUASAAN                                   | PENYATAAN   |
| 1  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap sangat terhad</b> .   |
| 2  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap terhad</b> .  |
| 3  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap memuaskan</b> .   |
| 4  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap kukuh</b> .   |
| 5  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap terperinci</b> .  |
| 6  | Memberikan respons dengan betul terhadap ayat tunggal, ayat majmuk, ayat perintah dan ayat tanya; mengemukakan soalan, serta bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul untuk menjelaskan maklumat yang tersurat menggunakan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada <b>tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan</b> . |

## 2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN  |
|---|--|
| <b>2.1 Asas membaca dan memahami.</b>                                     | <p><b>Murid boleh:</b></p> <p>2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ayat tunggal dan ayat majmuk</li> <li>(ii) perenggan</li> <li>(iii) teks</li> </ul> |
|   | <p>2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pelbagai jenis ayat</li> <li>(ii) perenggan</li> <li>(iii) teks</li> </ul>                          |
| <b>2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik.</b> | <p>2.2.1 Membaca, memahami, dan menerangkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) maksud kosa kata</li> <li>(ii) idea keseluruhan</li> <li>(iii) idea utama dan idea sampingan</li> </ul>                                |

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|--|---|
| <p><b>2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera.</b></p> | <p>2.3.1 Membaca, mengenal pasti, dan menerangkan kandungan teks daripada bahan bukan sastera dan bahan sastera;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) label</li> <li>(ii) manual</li> <li>(iii) pantun</li> <li>(iv) cerita</li> </ul>          |
|  | <p>2.3.2 Membaca dan menghayati karya bukan sastera dan karya sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) label</li> <li>(ii) manual</li> <li>(iii) pantun</li> <li>(iv) cerita</li> </ul> |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA |   |
|-------------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN                    | PENYATAAN   |
| 1                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap sangat terhad</b> .   |
| 2                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap terhad</b> .  |
| 3                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap memuaskan</b> .   |
| 4                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap kukuh</b> .   |
| 5                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap terperinci</b> .  |
| 6                                   | Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta memahami teks dengan menerangkan idea, mengenal pasti dan menjelaskan kandungan bahan bukan sastera dan bahan sastera serta mempersesembahkannya pada <b>tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan</b> . |

**3.0 KEMAHIRAN MENULIS**

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|--|---|
| <b>3.1 Asas menulis.</b>                                     | <p><b>Murid boleh:</b></p> <p>3.1.1 Menulis secara mekanis menggunakan tulisan berangkai dalam bentuk;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) huruf</li> <li>(ii) perkataan</li> <li>(iii) frasa</li> </ul> |
| <b>3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna.</b> | <p>3.2.1 Membina dan menulis;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ayat</li> <li>(ii) perenggan</li> </ul>  |
|  | <p>3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman secara kritis berdasarkan soalan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) bertumpu</li> <li>(ii) bercapah</li> </ul>  |
|  | <p>3.2.3 Membanding beza dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara.</p>   |
|  | <p>3.2.4 Menulis sesuatu yang diimlakkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) perkataan dan frasa</li> <li>(ii) ayat</li> </ul>  |

| STANDARD KANDUNGAN                 | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|------------------------------------|---|
| <b>3.3 Menghasilkan penulisan.</b> | <p>3.3.1 Menghasilkan kerangka, penulisan karangan naratif, dan bukan naratif secara;</p> <p>(i) berpandu<br/>(ii) separa berpandu</p> <p>3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek;</p> <p>(i) ejaan dan tanda baca<br/>(ii) penggunaan imbuhan</p> |

| STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENULIS |   |
|-------------------------------------|---|
| TAHAP PENGUASAAN                    | PENYATAAN   |
| 1                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul pada <b>tahap sangat terhad</b> .  |
| 2                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul dengan betul pada <b>tahap terhad</b> .  |
| 3                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul dengan betul pada <b>tahap memuaskan</b> .   |
| 4                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul dengan betul pada <b>tahap kukuh</b> .   |
| 5                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul dengan betul pada <b>tahap terperinci</b> .  |
| 6                                   | Menulis tulisan berangkai secara mekanis dengan betul dan kemas, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, membina kerangka dan menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif, mengedit serta memurnikan hasil penulisan dengan betul dengan betul pada <b>tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan</b> . |

**4.0 ASPEK SENI BAHASA**

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN  |
|--|--|
| <b>4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.</b>                                    | <p><b>Murid boleh:</b></p> <p>4.1.1 Bercerita dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan santun;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) simpulan bahasa</li> <li>(ii) bandingan semacam</li> <li>(iii) perumpamaan</li> </ul> |
| <b>4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.</b>   | <p>4.2.1 Melafazkan pantun yang mengandungi bahasa yang indah dan menjelaskan maksud.</p> <p>4.2.2 Menyanyikan lagu mengikut irama lagu kanak-kanak, dan lagu rakyat serta menjelaskan maksud bahasa yang indah dalam lirik lagu.</p>    |
| <b>4.3 Menghasilkan bahan sastera dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara</b> | <p>4.3.1 Mencipta bahan sastera secara berpandu dan mempersembahkan secara kreatif;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pantun dua kerat</li> <li>(ii) pantun empat kerat</li> </ul>  |

| STANDARD KANDUNGAN | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|--------------------|---|
| kreatif.           | 4.3.2 Mengubah suai cerita yang mempunyai unsur pengajaran secara berpandu dan mempersesembahkan cerita secara kreatif. |
|                    | 4.3.3 Mengubah suai seni kata lagu secara berpandu dan mempersesembahkan lagu secara kreatif.                           |

**CATATAN:**

Dalam Aspek Seni Bahasa, pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses p&p Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

## 5.0 ASPEK TATABAHASA

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN  |
|---|--|
| <p><b>5.1 Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.</b></p> | <p><b>Murid boleh:</b></p> <p>5.1.1 Memahami dan menggunakan golongan kata nama mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kata nama am</li> <li>(ii) kata nama khas</li> <li>(iii) kata ganti nama</li> <li>(iv) penjodoh bilangan</li> </ul> |
|   | <p>5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kata kerja aktif – transitif dan tak transitif</li> <li>(ii) kata kerja pasif</li> </ul>   |
|   | <p>5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) waktu</li> <li>(ii) ukuran</li> <li>(iii) pancaindera</li> </ul>  |
|   | <p>5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kata hubung dan kata sendi nama</li> <li>(ii) kata arah</li> </ul>   |

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   |
|---|---|
|   | <ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) kata tanya</li> <li>(iv) kata perintah</li> <li>(v) kata seru</li> <li>(vi) kata nafi</li> </ul>   |
| <p><b>5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata mengikut konteks.</b></p> | <p>5.2.1 Memahami dan menggunakan kata mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kata dasar</li> <li>(ii) kata berimbuhan awalan</li> <li>(iii) kata berimbuhan akhiran</li> </ul>             |
|   | <p>5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks.</p>   |
|   | <p>5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kata ganda penuh</li> <li>(ii) kata ganda separa</li> <li>(iii) kata ganda berentak/berirama</li> </ul> |
| <p><b>5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.</b></p>                 | <p>5.3.1 Memahami dan membina ayat mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ayat seruan</li> <li>(ii) ayat perintah</li> </ul>  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b> | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |
|---------------------------|---|
|                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) ayat tanya dengan kata tanya</li> <li>(iv) ayat tanya tanpa kata tanya</li> </ul>                            |
|                           | <p>5.3.2 Memahami dan menggunakan ayat mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ayat tunggal</li> <li>(ii) ayat majmuk</li> </ul> |

**CATATAN:**

Dalam Aspek Tatabahasa, pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Tatabahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

**GLOSARI TAHAP SATU**

| <b>Perkataan</b>      | <b>Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard</b>  |
|-----------------------|---|
| <b>apresiasi</b>      | pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni.  |
| <b>ayat penyata</b>   | ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal.  |
| <b>ayat perintah</b>  | ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi suruhan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan.   |
| <b>ayat seruan</b>    | ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya. |
| <b>ayat tanya</b>     | ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita dan berdasarkan nada suara serta penggunaan perkataan tertentu.   |
| <b>bacaan mekanis</b> | bacaan kuat yang mementingkan sebutan huruf dan bunyi dengan betul, membaca mengikut intonasi, nada dan tekanan yang  |

| <b>Perkataan</b>       | <b>Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard</b>  |
|------------------------|---|
|                        | betul. Bahan bacaan yang digunakan dalam bacaan mekanis terdiri daripada perkara yang mudah difahami dan tidak membebankan fikiran.                                 |
| <b>bahan grafik</b>    | bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea.               |
| <b>bahan sastera</b>   | hasil karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.  |
| <b>bahasa kiasan</b>   | perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu.  |
| <b>separa berpandu</b> | karangan separa berpandu merupakan penulisan yang berdasarkan panduan guru yang minimum. Murid mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi oleh guru. |
| <b>beradab</b>         | berbudi bahasa, bersopan.   |

| Perkataan                | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   | Perkataan                              | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|--------------------------|---|--|--|
| <b>bertatasusila</b>     | adab sopan santun dan budi pekerti yang baik.   | <b>karangan terkawal</b>               | karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru ( <i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i> ) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas. |
| <b>frasa</b>             | kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausu.                        | <b>kata adjektif sifatan / keadaan</b> | perkataan yang memberi pengertian sifatan/keadaan sebagai unsur keterangan nama.   |
| <b>gerak laku</b>        | tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan.                                  | <b>kata ganda berentak</b>             | penggandaan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu, seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah (vokal, pengulangan konsonan dan bebas).    |
| <b>gramatis</b>          | berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa.                          | <b>kata ganda penuh</b>                | penggandaan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak.  |
| <b>idea</b>              | buah fikiran, gagasan.  | <b>kata ganda separa</b>               | penggandaan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh merupakan kata tunggal ataupun kata terbitan.   |
| <b>intonasi</b>          | turun naik atau tinggi rendah nada suara.   | <b>kata kerja aktif transitif</b>      | kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.  |
| <b>isi tersirat</b>      | idea yang terkandung atau tersembunyi.  |  |  |
| <b>isi tersurat</b>      | idea yang telah ditulis, tertulis, tercatat.  |  |  |
| <b>idea utama</b>        | buah fikiran yang penting menerangkan maksud keseluruhan perenggan.                     |  |  |
| <b>idea sampingan</b>    | Idea dalam bentuk huraian dan contoh bagi menyokong dan menerangkan idea utama.         |  |  |
| <b>karangan berpandu</b> | karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan dan bimbingan guru. |  |  |

| Perkataan               | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  | Perkataan              | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|-------------------------|--|------------------------|--|
| <b>kata kerja pasif</b> | kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.  | <b>maklumat</b>        | makluman, pemberitahuan, pengumuman.   |
| <b>kata perintah</b>    | kata yang menyuruh.  | <b>manual</b>          | buku yang memberikan maklumat tentang sesuatu alat dan sebagainya panduan tentang cara-cara menggunakan; Buku panduan tentang pelaksanaan sesuatu kerja. |
| <b>kesantunan</b>       | perihal (sifat) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau pekerti); baik dalam bahasa lisan atau pun tulisan.   | <b>membanding beza</b> | mengkaji persamaan dan perbezaan.  |
| <b>konsisten</b>        | terus berpegang pada pendirian yang sama, tekal.   | <b>melafazkan</b>      | mengucapkan kata; perkataan; doa.  |
| <b>konteks</b>          | keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungi dengan sesuatu.   | <b>memahami</b>        | tahu dan mengerti benar cara sebutan, intonasi, dan makna.   |
| <b>kreatif</b>          | mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea.  | <b>mentafsir</b>       | memberikan penjelasan, menghuraikan, menjelaskan.  |
| <b>kritis</b>           | tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu).   | <b>menilai</b>         | membuat pertimbangan berdasarkan kriteria yang spesifik Mengkritik, membuat hipotesis, memberi hujah/pendapat, membuat keputusan.                        |
| <b>label</b>            | kepingan kecil kertas (kad dll) yg dilekatkan atau ditampalkan pada sesuatu (spt botol, beg, dll) untuk memberikan sedikit keterangan (mis nama, jenis, kandungan, harga, dll) | <b>memindahkan</b>     | mengubah bahasa sesuatu karangan dan lain-lain.  |
|                         |  | <b>mempersebah</b>     | menyampaikan, mengatakan, menceritakan, mempertunjukkan,   |

| Perkataan             | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   | Perkataan          | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|-----------------------|---|--------------------|--|
|                       | menghidangkan.  |                    | dengan pasti.  |
| <b>memurnikan</b>     | membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan.                         | <b>menghayati</b>  | mengalami dan merasai /dalam batin, meresapkan ke dalam jiwa.  |
| <b>menaakul</b>       | hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik. | <b>mengimlak</b>   | menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain.  |
| <b>mengajuk</b>       | meniru tingkah laku seseorang, mengejek.  | <b>mengujarkan</b> | mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan.  |
| <b>menganalisis</b>   | penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan untuk mengetahui pelbagai aspeknya.             | <b>menterjemah</b> | memindahkan daripada suatu bahasa ke bahasa yang lain, mengalihbahaskan.   |
| <b>mengaplikasi</b>   | menggunakan secara praktik atau amali.  | <b>menyerapkan</b> | memasukkan sesuatu benar-benar ke dalam hati/badan; menggabungkannya dengan yang lain.                                       |
| <b>mengecam</b>       | kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar.   | <b>naratif</b>     | cerita peristiwa atau pengalaman.  |
| <b>mengedit</b>       | menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat.   | <b>pancaindera</b> | deria atau alat perasa yang lima (deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, deria sentuh).                           |
| <b>mengelas</b>       | membahagi-bahagikan atau mengasing-asingkan kepada berbagai-bagai golongan.   | <b>pemajmukan</b>  | proses yang berlaku apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan dan rangkai kata yang terhasil membawa makna yang khusus. |
| <b>mengenal pasti</b> | mengetahui serta menentukan, mengetahui sehingga dapat menyatakan   |                    |  |

| Perkataan                | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|--------------------------|--|
| <b>penulisan naratif</b> | penulisan berbentuk cerita, peristiwa atau pengalaman.   |
| <b>perasaan</b>          | perihal merasa dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu. |
| <b>perenggan</b>         | gabungan beberapa ayat yang sempurna untuk menghuraikan sesuatu idea   |
| <b>petikan</b>           | cabutan daripada sesuatu teks penulisan  |
| <b>pesan</b>             | sesuatu yang dipesan.  |
| <b>ramalan</b>           | sesuatu yang diramalkan, telahan, dugaan, tekaan.  |
| <b>respons</b>           | reaksi.  |
| <b>sebutan</b>           | apa yang disebut atau cara melafazkan.   |
| <b>soalan bercapah</b>   | soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan.   |
| <b>soalan bertumpu</b>   | soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks.   |
| <b>suruhan</b>           | sesuatu yang disuruh, perintah.  |
| <b>tekal</b>             | tidak berubah-ubah halnya atau keadaannya, tetap, konsisten, selaras sepanjang masa, teguh, tetap berpegang                |

| Perkataan              | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   |
|------------------------|---|
|                        | pada pendirian.   |
| <b>teks</b>            | tulisan lengkap yang mengandungi pendahuluan, isi penutup   |
| <b>terperinci</b>      | telah dihuraikan sepenuhnya.  |
| <b>tulisan mekanis</b> | menulis abjad, suku kata, perkataan dan ayat tanpa perlu banyak berfikir dan meniru atau menyalin sahaja. |

**PANEL PENGGUBAL**

|     |  |   |
|-----|--|---|
| 1.  | Dr. Mazlan bin Ismail                        | Bahagian Pembangunan Kurikulum                                    |
| 2.  | Yatimah binti Muji                           | Bahagian Pembangunan Kurikulum                                    |
| 3.  | Chin Fong Phin                               | Bahagian Pembangunan Kurikulum                                    |
| 4.  | Mohamad Shuhaimi bin Sabarudin               | Bahagian Pembangunan Kurikulum                                    |
| 5.  | Dr. Haji Md Sabri bin Che Man                | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur                            |
| 6.  | Fadilah binti Idris                          | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur                                |
| 7.  | Hayati binti Mat Yusof                       | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur                                |
| 8.  | Nor Alizah binti Alias                       | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur                                |
| 9.  | Zarina binti Ahmad                           | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor                      |
| 10. | Dr. Faiziah binti Haji Shamsudin             | IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan                          |
| 11. | Datin Mastura binti Mohamed Berawi           | IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan                          |
| 12. | Sardi bin Ahmad                              | IPG Pendidikan Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan |
| 13. | Rabayah binti Tahir                          | IPG Pendidikan Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan |
| 14. | Prof. Dr. Zulkifley bin Hamid                | Universiti Kebangsaan Malaysia                                    |
| 15. | Dr. Chew Fong Peng                           | Universiti Malaya   |
| 16. | Prof Madya Dr. Abdul Rashid Jamian           | Universiti Putra Malaysia   |
| 17. | Prof Madya Dr. Vijayalethumy a/p Subramanian | Universiti Putra Malaysia   |
| 18. | Dr. Azhar bin Sabil                          | Universiti Putra Malaysia   |
| 19. | Prof Dr. Mahzan bin Arshad                   | Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak                         |
| 20. | Ong Li Choo                                  | Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur         |
| 21. | Fatimah binti Sepuan                         | Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor                   |

|     |                           |  |
|-----|---------------------------|--|
| 22. | Mohd Pauzi bin Ab Raof    | Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor        |
| 23. | Amran bin Bakar           | Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan |
| 24. | Dr. Norhana binti Bakhary | Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan    |
| 25. | Norliza binti Abu Bakar   | Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Johor                  |
| 26. | Mat Ariffin bin Ismail    | SJKC Batang Kali, Selangor                             |
| 27. | Mohd Jamil bin Ismail     | SJKC Rasa, Selangor                                    |

#### **TURUT MENYUMBANG**

|     |                               |  |
|-----|-------------------------------|--|
| 28. | Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong | Universiti Kebangsaan Malaysia         |
| 29. | Norhayati Md Yatim            | IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur |
| 30. | Eh Sai a/l Eh Kang            | SJK C Sungai Chua, Kajang, Selangor    |
| 31. | Kunthavi a/p Gopal            | SJKT Taman Melawati, Kuala Lumpur      |
| 32. | Saluwa binti Harun            | SJKC Choon Wen                         |
| 33. | Siti Sarah binti Abdul Malik  | SK Serendah, Selangor                  |

## PENGHARGAAN

### Penasihat

|                             |                                   |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah                        |
| Rusnani binti Mohd Sirin    | - Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) |
| Datin Dr. Ng Soo Boon       | - Timbalan Pengarah (STEM)        |

### Penasihat Editorial

|                                  |                |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon       | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman      | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad               | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah          | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria             | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim    | - Ketua Sektor |





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>